

**HUBUNGAN ANTARA BEBAN TUGAS DENGAN
KERESAHAN GURU SEKOLAH MENENGAH TEKNIK DI JOHOR**

NORLIANA BINTI HAJI MOHAMAD

Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

APRIL 2007

DEDIKASI

Bingkisan Ilmu Istimewa Buat

*Bonda Tercinta Hajah Rokiah binti Sarjuni,
Ayahanda Tercinta Haji Mohamad bin Samad,
Ahli Keluarga Yang Dikasihi.*

*Doakan Anakanda Dalam Perjuangan
Jasa Dan Sokongan Yang Diberi Tidak Terbalas
Terima Kasih Atas Segalanya.*

*Yang dihormati Shafiei bin Ahamad,
Yang dikasihi Anakanda-Anakanda,*

Nurul Syafiqah

Nuraiman Syafiq

Nurul Syahirah Izzati

Kasih Sayang Tidak Pernah Luntur

Terhadap Kamu Semua

*Teman-Teman Seperjuangan Yang Dihormati,
Sokongan Dan Persahabatan Yang Terbina
Terpahat Dalam Ingatan Dan Semoga Kekal Selamanya.*

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih

Alhamdulillah, segala puji bagi ALLAH S.W.T yang Maha Pengasih, Pemurah lagi Penyayang. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Rasulullah s.a.w. Dipanjatkan rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya maka terhasillah projek sarjana ini.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan yang ikhlas dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia projek sarjana iaitu Tuan Haji Ashari bin Sikor di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, galakan serta teguran yang membina sepanjang menyiapkan kajian ini. Tanpa bimbingan yang konsisten daripada beliau mustahil kajian ini dapat dihasilkan. Sekalung budi dan penghargaan juga ditujukan kepada panel penilai iaitu Profesor Madya Haji Sapon bin Ibrahim dan Encik Azman bin Hassan yang telah memberikan saranan, cadangan dan nasihat dalam membantu meningkatkan kualiti kajian ini.

Rakaman penghargaan juga ditujukan untuk semua responden yang telah sudi menjawab borang soal selidik dengan ikhlas. Tidak dilupakan juga rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan galakan, sokongan dan bantuan dalam menempuh segala cabaran. Akhir kata, semoga segala usaha dan bakti yang telah dicurahkan diterima dan diberkati oleh ALLAH S.W.T.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

ABSTRAK

Isu beban tugas mendapat perhatian yang meluas di Malaysia apabila ada guru-guru menghadapi keresahan atau keletihan emosi akibat dari beban tugas berlebihan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara beban tugas dengan keresahan guru sekolah yang mana beban tugas dan keresahan guru merupakan pemboleh ubah bersandar sementara latar belakang responden adalah pemboleh ubah bebas. Kajian ini menggunakan instrumen terpiawai *Maslach Burnout Inventory - Educators Survey (MBI-ES)* (1966) yang telah diubahsuai bagi mengukur tahap keresahan guru. Keresahan ini berdasarkan tiga subskala MBI-ES iaitu keletihan emosi, gangguan keperibadian sendiri dan pencapaian peribadi. Soal selidik merupakan instrumen yang digunakan bagi mengenal pasti tahap beban tugas mengajar dan bukan mengajar serta keresahan yang dialami oleh guru di tujuh buah Sekolah Menengah Teknik di Johor. Seramai 277 orang guru telah menjadi responden iaitu SMT Kluang, SMT Kota Tinggi, SMT Muar, SMT Perdagangan Johor Bahru, SMT Pontian, SMT Segamat dan SMT Tanjung Puteri, Johor. Perisian *Statistical Package for Social Science version 12 for Windows (SPSS v12)* digunakan bagi menganalisis data yang diperolehi. Min, kekerapan dan peratusan digunakan untuk menganalisis dapatan bagi kesemua item yang dibangunkan. Manakala ujian korelasi digunakan untuk melihat hubungan secara statistik antara beban tugas dengan tiga subskala keresahan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan pada tahap yang sangat lemah antara beban tugas dengan subskala gangguan keperibadian sendiri. Manakala tidak terdapat hubungan antara beban tugas dengan subskala keletihan emosi dan pencapaian peribadi. Namun begitu, terdapat hubungan yang signifikan antara keletihan emosi dengan gangguan keperibadian sendiri pada tahap signifikan 0.01 iaitu nilai kekuatan korelasi ialah 0.610 manakala nilai signifikannya ialah 0.00. Di sini, terdapat hubungan yang sederhana antara dua pemboleh ubah tersebut. Cadangan juga telah diberikan bagi membantu menyelesaikan masalah beban tugas berlebihan yang terpaksa ditanggung oleh guru SMT.

ABSTRACT

Workload issues are the great publicity in Malaysia when teachers facing an anxiety or emotional exhaustion consequence from work overload. The purpose of this study is to observe the relationship between workload and teachers anxiety at school where workload and teachers anxiety performance were taken as the dependent variable where as respondent demography was the independent variable. This study using the *Maslach Burnout Inventory – Educators Survey (MBI-ES)* (1966) was modified to measure the level of teachers anxiety. Teachers anxiety was saw through three subscales which are emotional exhaustion, depersonalization and personal accomplishment. Questionnaires as the instrument was used to identify the level of teaching and non-teaching workload and also teachers anxiety at seven Technical School in area of Johor. There are 277 teachers as the respondent which is SMT Kluang, SMT Kota Tinggi, SMT Muar, SMT Perdagangan Johor Bahru, SMT Pontian, SMT Segamat and SMT Tanjung Puteri, Johor. The *Statistical Package of Social Science software version 12 for Windows (SPSS v12)* was used to analyze the collected data. Mean, frequencies and percentages are used to analyze the item data that had been developed. Correlation test is used to define the significance relationship between workload against the three subscales teachers anxiety. Finding indicated that there was very weak relationship between workload against the subscale of depersonalization. While, there was no relationship between workload against the subscale of emotional exhaustion and personal accomplishment. Nevertheless, there was significant relationship between emotional exhaustion against depersonalization with significant level 0.01 with correlations coefficient values was 0.610 while significant values was 0.00. At this point, there was moderate level relationship between two variables mentions. The suggestions were gave in order to settle the teacher's work overload among SMT teachers.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	i
	HALAMAN JUDUL	ii
	PERAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	6
	1.3 Pernyataan Masalah	11
	1.4 Tujuan Kajian	12
	1.5 Objektif Kajian	12
	1.6 Soalan Kajian	13
	1.7 Hipotesis Kajian	13
	1.8 Kerangka Konseptual	15

1.9	Kepentingan Kajian	16
1.10	Skop Kajian	17
1.11	Batasan Kajian	18
1.12	Definisi Istilah	19

II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Faktor Latar Belakang Responden	25
2.2.1	Kelayakan Akademik	25
2.2.2	Jumlah Waktu Mengajar Yang Berlebihan	26
2.2.3	Jawatan Pentadbiran	27
2.3	Bebanan Tugas Guru	27
2.4	Bebanan Tugas Pentadbiran	28
2.5	Guru Cemerlang	29
2.6	Pengajaran Berkesan	30
2.7	Kemahiran Mengajar	30
2.8	Keresahan	31
2.9	Rumusan	32

III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Kerangka Kerja Operasi	35
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	37
3.5	Tempat Kajian	38
3.6	Instrumen Kajian	39
3.6.1	Borang Soal Selidik	39
3.6.2	Kesahan	42
3.6.3	Kebolehpercayaan	43

3.7	Kajian Rintis	44
3.8	Pemboleh ubah Kajian	46
3.9	Pengumpulan Data	47
3.10	Penganalisan Data	48
3.11	Rumusan	49

IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	50
4.2	Latar Belakang Responden	51
4.2.1	Taburan Responden Berdasarkan Sekolah	51
4.2.2	Taburan Responden Berdasarkan Kelayakan Akademik	52
4.2.3	Taburan Responden Berdasarkan Pengkhususan	53
4.2.4	Taburan Responden Berdasarkan Purata Bilangan Isi Kelas	54
4.2.5	Taburan Responden Berdasarkan Purata Jam Berada Di Sekolah	55
4.3	Dapatan Kajian	56
4.3.1	Tahap Beban Tugas Mengajar	57
4.3.2	Tahap Beban Tugas Bukan Mengajar	58
4.3.3	Hubungan Antara Beban Tugas Dengan Keletihan Emosi	60
4.3.4	Hubungan Antara Beban Tugas Dengan Gangguan Keperibadian Kendiri	63
4.3.5	Hubungan Antara Beban Tugas Dengan Pencapaian Peribadi	67
4.4	Rumusan	71

V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	72
5.2	Perbincangan Dan Kesimpulan	73
5.2.1	Beban Tugas Mengajar Yang Berlebihan	73
5.2.2	Beban Tugas Bukan Mengajar Berdasarkan Jawatan Pentadbiran	75
5.2.3	Hubungan Antara Beban Tugas Mengajar Dengan Keletihan Emosi	76
5.2.4	Hubungan Antara Beban Tugas Mengajar Dengan Gangguan Keperibadian Kendiri	77
5.2.5	Hubungan Antara Beban Tugas Mengajar Dengan Pencapaian Peribadi	78
5.3	Cadangan	79
5.3.1	Cadangan Terhadap Kajian	79
5.3.2	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	81
5.4	Penutup	81
	BIBLIOGRAFI	83
	LAMPIRAN	91



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert	34
3.2	Jumlah Populasi dan Sampel Responden di SMT	38
3.3	Rumuan Julat Skor Min	41
3.4	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	42
3.5	Interpretasi Skor Alpha Cronbach	44
3.6	Nilai Pekali Kebolehpercayaan 'Alpha Cronbach'	45
3.7	Senarai Item Yang Kurang Daripada 0.2 Dan Negatif	45
4.1	Taburan Responden Berdasarkan Sekolah	52
4.2	Taburan Responden Berdasarkan Kelayakan Akademik	53
4.3	Taburan Responden Berdasarkan Pengkhususan	54
4.4	Taburan Responden Berdasarkan Purata Bilangan Isi Kelas	55
4.5	Taburan Responden Berdasarkan Purata Jam Berada Di Sekolah	56
4.6	Skor Min Dan Sisihan Piawai Beban Tugas Mengajar	57
4.7	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Waktu Mengajar Dalam Seminggu	58
4.8	Skor Min Dan Sisihan Piawai Beban Tugas Bukan Mengajar	59
4.9	Taburan Responden Berdasarkan Jawatan Pentadbiran	60
4.10	Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Skor Min Item Keletihan Emosi	61
4.11	Hubungan Antara Beban Tugas Mengajar Dengan Keletihan Emosi	62

4.12	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Skor Min Item Gangguan Keperibadian Kendiri	64
4.13	Hubungan Antara Beban Tugas Mengajar Dengan Gangguan Keperibadian Kendiri	65
4.14	Hubungan Antara Keletihan Emosi Dengan Gangguan Keperibadian Kendiri	66
4.15	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Skor Min Item Pencapaian Peribadi	69
4.16	Hubungan Antara Beban Tugas Mengajar Dengan Pencapaian Peribadi	70



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Model Konseptual Pendidikan Guru	5
1.2	Kerangka Konseptual	15
3.1	Kerangka Kerja Operasi	36
3.2	Pemboleh ubah Kajian	47
4.1	Hubungan Antara Keletihan Emosi Dengan Gangguan Keperibadian Kendiri	67



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

KPPK	-	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
ILO	-	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
JMBTG	-	Jawatankuasa Menangani Bebanan Tugas Guru
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPG	-	Falsafah Pendidikan Guru
SSB	-	Sistem Saraan Baru
PIGB	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
MBI-ES	-	Maslach Burnout Inventory – Educator’s Survey
SMT	-	Sekolah Menengah Teknik
KBSM	-	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	-	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
H_0	-	Hipotesis Null
H_a	-	Hipotesis Alternatif



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Bebanan Kerja Guru Empat Negeri Teruk Artikel Akhbar Berita Harian 7 Julai 2005	91
B	'Guru Terbeban' Bertugas 74 Jam Seminggu Artikel Akhbar Utusan Malaysia 7 Julai 2005	92
C	Kementerian Pelajaran Punca Beban Kerja Guru Bertambah Artikel Laman Web bertarikh 11 Januari 2006	94
D	Kementerian Kaji Beban Kerja Guru Artikel Akhbar Berita Harian 5 Februari 2006	96
E	Norma Perjawatan Guru	98
F	Perancangan Kerja Projek Sarjana	99
G	Jadual Krejcie & Morgan	100
H	Borang Soal Selidik	101
I	Pengesahan Pakar Soal Selidik	106
J	Keputusan Analisis Alpha Cronbach Kajian Rintis	111

K	Surat Kebenaran Membuat Kajian Di Sekolah	121
L	Carta Pai Taburan Responden Berdasarkan SMT Di Johor	133
M	Carta Pai Taburan Responden Berdasarkan Kelayakan Akademik	134
N	Carta Pai Taburan Responden Berdasarkan Pengkhususan	135
O	Carta Pai Taburan Responden Berdasarkan Purata Bilangan Isi Kelas	136
P	Carta Pai Taburan Responden Berdasarkan Purata Jam Berada Di Sekolah	137
Q	Keputusan Analisis Setiap Bahagian Kajian Sebenar	138
R	Carta Bar Taburan Responden Berdasarkan Beban Tugas Mengajar Guru di SMT	151
S	Carta Pai Taburan Responden Berdasarkan Jawatan Pentadbiran	152



PTTAUTHIM
PERBUKHTAAN TUNJANGAN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sekolah merupakan sebuah institusi atau organisasi formal yang wujud dalam masyarakat. Sekolah bukan sekadar untuk menyebarkan ilmu pengetahuan, menyemai budaya bangsa dan memupuk bakat tetapi juga membentuk satu rupa bangsa dan bersedia menghadapi perubahan serta pembaharuan. Oleh itu, pendidikan formal di sekolah bukan sahaja dilihat dalam bentuk yang global tetapi lebih kepada pembentukan individu, bersesuaian dengan kehendak masyarakat yang berdaya maju, bernilai murni dan merelakan pembangunan masyarakat yang sejahtera (Kamaruddin, 1994). Manakala Mohd. Salleh (1998) pula menjelaskan sekolah merupakan institusi pendidikan yang berbentuk formal di mana ia boleh membentuk pemikiran, tingkah laku dan sikap pelajar-pelajar bagi melahirkan generasi yang seimbang baik dari segi mental dan fizikal.

Sekolah mempunyai sekumpulan ahli yang dinamakan 'pelanggan' atau klien yang akan diberi khidmat oleh mereka yang professional iaitu guru berdasarkan peraturan dan kawalan serta autoriti. Sebagai sebuah institusi dalam masyarakat,

sekolah diwujudkan secara terancang bertujuan memberi penerangan dan pendidikan kepada masyarakat supaya menjadi manusia yang berpengetahuan, berkemahiran, berfikiran rasional dan bijaksana.

Dalam perkataan lain, sekolah juga merupakan unit sosial dalam masyarakat di mana ia mempunyai budayanya yang tersendiri. Budaya sekolah wujud sesuai dengan dasar dan peranannya sebagai sebuah institusi dalam masyarakat. Budaya sekolah secara umumnya boleh didefinisikan sebagai segala cara hidup di sekolah yang sebenarnya dihasilkan oleh pelajar dan sebahagiannya lagi oleh guru. Umumnya budaya formal sekolah ialah mementingkan pencapaian akademik dan kaedah untuk mencapai matlamat yang telah dirancang. Guru-guru memainkan peranan yang penting dengan memahami matlamat sekolah jangka pendek dan panjang. Guru-guru perlu memikirkan bagaimanakah cara terbaik supaya pengajaran menjadi berkesan di sekolah. Keberkesanan pengajaran bukan bergantung kepada teknik pengajaran yang baik sahaja tetapi bergantung kepada minat pelajar, pengkelasan pelajar mengikut pencapaian, pengetahuan sedia ada dan bakat pelajar itu sendiri (Mohd. Salleh, 1998).

Oleh itu, pengisian pencapaian akademik merupakan agenda penting untuk mencapai matlamat sekolah. Ini memberi cabaran kepada guru supaya memastikan setiap pelajar mendapat pencapaian yang cemerlang dalam setiap peperiksaan formal mahupun tidak formal. Ia selaras dengan fungsi utama sekolah iaitu memberi pendidikan dan latihan. Pendidikan dianggap sebagai satu proses yang membolehkan seseorang manusia sanggup berfikiran kritikal dan mempunyai daya kreatif. Manakala latihan pula memberi kemahiran-kemahiran teknikal dan kegiatan-kegiatan psikomotor. Kesimpulannya, peranan sekolah ialah untuk memberi peluang kepada manusia khususnya generasi muda untuk menguasai pelbagai pengetahuan dan kemahiran-kemahiran yang difikirkan sesuai untuk menyesuaikan diri dalam perkembangan masyarakat dan kehidupan seharian.

Ini selaras dengan dasar kerajaan untuk melaksanakan pembangunan modal insan secara holistik merangkumi pemerolehan pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek, memiliki sikap, nilai dan etika positif serta progresif melalui pendidikan, latihan dan program pembelajaran sepanjang hayat. Pelaksanaan program ini terus dipergiat bagi menggalakkan peningkatan kemahiran di kalangan semua lapisan masyarakat. Sistem pendidikan dan latihan telah diperluas dan dipertingkatkan terutamanya dalam bidang teknikal dan vokasional. Ini merupakan langkah-langkah untuk penambahbaikan sistem pendidikan secara menyeluruh dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan supaya setanding dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa.

Salah satu langkah penting untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan ialah membentuk guru yang berpengetahuan terlebih dahulu. Guru haruslah mempunyai minat dan kecenderungan meningkatkan pengetahuan dan menjadikan budaya belajar dan budaya membaca sebagai suatu amalan yang penting bagi mengukuhkan imej perguruan. Guru harus mempersiapkan diri menghadapi dan menangani cabaran baru terutama tuntutan-tuntutan sebagai "*knowledge worker*" dalam era revolusi informasi abad ke-21. Kesedaran ini amat penting dalam mempertingkatkan tahap profesionalisme keguruan ke suatu tahap yang tidak mungkin lagi dipertikai dan diperlekehkan oleh masyarakat dan negara.

Selain itu, guru juga perlu meningkatkan karisma masing-masing melalui pengetahuan dan keilmuannya yang berkembang pesat, di samping mengangkat dirinya sebagai golongan intelek yang dihormati dalam masyarakat. Selain itu, guru yang cemerlang dilihat dari sudut prinsipnya, keutuhan keperibadiannya, kecekapan dan ketrampilannya, mental dan keintelektualannya, kestabilan emosi dan spiritualnya serta kebijaksanaan dan kepemimpinannya. Guru juga perlu memiliki sifat dan ciri-ciri unggul sebagai penyampai ilmu, penyemai nilai luhur, pembimbing, penunjuk ajar dan pemberi pedoman hidup serta menjadi contoh teladan kepada pelajarannya. Guru bukan sahaja mempunyai tubuh badan yang sihat dan pemikiran yang baik tetapi guru juga harus mempunyai sifat-sifat iltizam, dedikasi,


tanggungjawab, komited, tekun, bertimbang rasa, rajin, ceria, amanah, berpegang kepada janji dan tidak mengkhianati tugasnya atau pelajarannya.

Guru dianggap nadi kepada sekolah kerana keprofesionalismenya adalah kunci kepada peningkatan kualiti pendidikan. Kualiti yang dimaksudkan bukan sahaja kepada kualiti proses malah yang lebih utama ialah kualiti hasil atau outputnya. Perkara ini tidak mungkin dicapai jika individu, kumpulan, kelompok dan organisasi tidak cekap dan tidak berkesan. Maka itulah modal insannya perlu dibangunkan secara bersepadu menerusi latihan-latihan tertentu bagi memastikan setiap individu dapat mengembangkan potensi dan bakatnya. Pengalaman-pengalaman yang diterima menerusi program pembangunan profesional ini sama ada ianya bersifat latihan-latihan khusus atau pengalaman sebenar di tempat kerja membolehkan guru bertindak atau berpelakuan secara berkesan untuk meningkatkan kualiti pendidikan sekolahnya. Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang menekankan beberapa ciri-ciri kualiti guru yang perlu ada pada setiap guru. Falsafah Pendidikan Guru adalah seperti berikut :

“Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin”.

(Rosnan, 1998)

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Guru tersebut, suatu model konseptual pendidikan guru telah dibina. Menurut Rosnan (1998), model ini menekankan kepentingan tiga aspek asas iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang disepadukan merentasi semua disiplin mata pelajaran serta program yang dirancang seperti Rajah 1.1 :



(Sumber : Rosnan, 1998)

Rajah 1.1 : Model Konseptual Pendidikan Guru

Model Konseptual Pendidikan Guru ini menekankan akauntabiliti guru kepada tiga dimensi utama iaitu Kendiri, Kemasyarakatan dan Ketuhanan (3K). Citra ketiga-tiga paksi ini dijemakan dalam program yang dirancang. Aspek sendiri menekankan kepada pembinaan daya ketahanan, patriotisme, pemupukan budaya ilmu, pembentukan sahsiah dan berpekerti mulia manakala aspek ketuhanan pula menganjurkan peningkatan ilmu, penghayatan dan amalan individu sebagai insan yang percaya dan patuh kepada ajaran agama. Dari segi kemasyarakatan, model ini menekankan peranan guru sebagai pendidik, pemimpin dan sebagai agen perubahan. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan FPG, model ini menekankan matlamat mengembangkan potensi individu guru secara seimbang dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Hasrat ini dapat dicapai menerusi pelaksanaan kurikulum pendidikan guru yang menyepadukan aspek pengetahuan, kemahiran dan ikhtisas serta amalan nilai-nilai keguruan.

Kurikulum pendidikan guru digubal dengan mengambilkira usaha menterjemahkan ketiga-tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai secara bersepadu dan merentasi mata pelajaran, partikum dan kegiatan kokurikulum. Aspek pengetahuan merangkumi pengetahuan am dan pengetahuan dalam mata pelajaran pengkhususan. Pengetahuan juga mencakupi tentang dasar Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) serta pengetahuan ikhtisas keguruan. Manakala kemahiran pula mencakupi kemahiran ikhtisas yang menjurus kepada kemahiran berkomunikasi, belajar, berfikir, membimbing dan berketrampilan dalam pedagogi serta perkaedahan mata pelajaran pengkhususan. Fokus utama ialah kepada pembinaan dan pengukuhan dalam pengajaran dan pembelajaran. Satu lagi aspek penting ialah aspek nilai yang merujuk kepada penerapan, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni keguruan yang menampilkan sahsiah dan perlakuan guru yang penyayang, berpekerti mulia, berdaya tahan, patriotik, inovatif, kreatif, amanah dan taat kepada profesion perguruan, berketrampilan dan berwibawa (Rosnan, 1998).

1.2 Latar Belakang Masalah

Profesion keguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar. Tenaga pengajar dan kakitangan pentadbiran seharusnya peka dengan perkembangan terkini dalam proses kepimpinan, pengurusan, pengelolaan sumber dan pencapaian matlamat pendidikan. Justeru itu, dengan pelaksanaan pelbagai reformasi dalam pendidikan sudah pasti menjadikan peranan dan tanggungjawab guru-guru menjadi lebih mencabar. Namun, terdapat pelbagai tanggapan atau persepsi salah masyarakat terhadap guru berhubung dengan kerjaya guru pada dewasa ini. Sesetengah ahli masyarakat mempunyai tanggapan bahawa guru sekarang bukan hanya tertumpu kepada tugas mengajar tetapi dibebani dengan tugas-tugas bukan mengajar iaitu perkeranian dan pentadbiran. Malah tidak dinafikan ada yang melihat sekolah sebagai sebuah organisasi yang dihujani dengan

pelbagai beban tugas dan adakalanya tugas ini bukan satu yang terancang tetapi muncul dari situasi yang tidak diduga seperti menggantikan guru yang berkursus ataupun cuti sakit. Jika keadaan sedemikian dibiarkan berterusan sudah pasti suasana pengajaran dan pembelajaran di sekolah kini akan menuju ke arah satu keadaan yang tidak terurus dan akan menghadapi kegagalan untuk mencapai matlamat yang diidamkan.

Fenomena guru mengambil keputusan bersara awal sering dikaitkan dengan beban kerja yang melampau akibat daripada perubahan kurikulum baru dalam sistem pendidikan Malaysia. Perubahan ini dikatakan menyebabkan senarai tugas guru semakin panjang dan harapan terhadap guru semakin tinggi, sedangkan keadaan lain tidak banyak berubah. Guru sendiri dan persekitaran proses pembelajaran itu tidak disediakan dengan sempurna bagi menangani tugas dan harapan yang sudah berubah. Sebenarnya, beban tugas guru telah lama diperdebatkan namun tiada tindakan diambil untuk menanganinya. Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) telah memperjuangkan cadangan ini sejak 10 tahun lalu tetapi setakat ini, guru masih dibebani tugas berkenaan menyebabkan ada yang menghadapi keresahan atau keletihan emosi dan gangguan keperibadian sendiri sehingga mengganggu kualiti kerja dan pencapaian peribadi seseorang guru.

Sejak kebelakangan ini, isu tentang beban tugas telah mendapat perhatian yang meluas di Malaysia sama ada dalam media elektronik mahupun media cetak. Berita Harian keluaran 7 Julai 2005 telah mendedahkan bagaimana guru-guru di empat buah negeri iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Melaka dan Johor didapati menanggung beban tugas berlebihan, iaitu 74 jam seminggu berbanding maksimum 48 jam yang ditetapkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Menurut resolusi ILO, guru-guru yang bertugas lebih 48 jam seminggu termasuk dalam tugas perancangan, persediaan, penilaian pelajaran, penyeliaan kokurikulum dan makluman kepada ibu bapa mengenai kemajuan pelajar dikategorikan sebagai terbeban.

Selain itu, guru juga menghabiskan 38 hari bekerja dalam setahun untuk menghadiri kursus atau latihan walaupun Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menetapkan jumlah maksimum tujuh hari setahun sahaja. Kelemahan di dalam pentadbiran dan penyelarasan di semua peringkat pentadbiran sekolah mengatur masa kursus yang tidak tersusun menyebabkan ramai guru-guru di dalam sekolah yang sama terpaksa menghadiri kursus secara serentak di luar kawasan, ditambah lagi dengan keadaan guru yang bercuti dengan pelbagai sebab, justeru tugas yang ditinggalkan terpaksa dipikul oleh guru yang masih berada di sekolah. Kajian Kementerian Pelajaran juga mendapati 320,000 guru di lebih 9,000 buah sekolah seluruh negara perlu mengisi 108 jenis borang bagi menyempurnakan tugas pengajaran, kokurikulum, kerja pentadbiran dan penyeliaan sekolah. Kerja-kerja di luar tugas mengajar dan tiada kaitan dengan kegiatan kurikulum serta kokurikulum sepatutnya diagihkan kepada kakitangan bukan guru di setiap sekolah. Artikel Akhbar Berita Harian berkenaan dengan 'Bebanan Kerja Guru Empat Negeri Teruk' seperti dalam **LAMPIRAN A**.

Manakala Utusan Malaysia keluaran 7 Julai 2005 pula, menurut Laporan Jawatankuasa Menangani Beban Tugas Guru (JMBTG) mendapati guru terpaksa mengambil masa 74 jam seminggu untuk menjalankan tugas 50.4 jam atau 68 peratus beban tugas berkaitan kurikulum, 12.7 peratus masa guru dihabiskan untuk aktiviti kokurikulum, 8.9 peratus untuk hal ehwal pelajar dan 1.2 peratus untuk pengurusan asrama. Laporan tersebut juga mendapati 4.3 peratus masa guru digunakan untuk pengurusan, 2.4 peratus kewangan, 1.1 peratus masing-masing untuk latihan dan hubungan komuniti manakala 0.1 peratus pembangunan fizikal sekolah. Artikel Akhbar Utusan Malaysia berkenaan dengan 'Guru Terbeban' Bertugas 74 Jam Seminggu seperti dalam **LAMPIRAN B**.

Tugas guru bukan setakat mengajar malah turut dibebani lima tugas lain. Pertama; mengurus data, fail, buku rekod dan laporan; Kedua; urusan pentadbiran; Ketiga; kegiatan kurikulum; Keempat; kokurikulum dan Kelima; pengurusan hal ehwal pelajar. Malah guru turut bertindak sebagai kerani, setiausaha, bendahari,

jurujual, jurutaip dan juruhias. Guru-guru juga turut mengutip derma, kempen nyamuk aedes dan menyelesaikan masalah longkang tersumbat yang sepatutnya dilakukan oleh pihak pentadbiran sekolah. Kementerian Pelajaran perlu memandang berat beban tugas yang keterlaluan sehingga menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah (Khairul Faizi, 2006). Artikel dari laman web berkenaan dengan 'Kementerian Pelajaran Punca Beban Kerja Guru Bertambah' seperti dalam **LAMPIRAN C**.

Butir-butir ini terkandung dalam laporan kaji selidik Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) bertajuk 'Pandangan dan Syor KPPK; Bebanan Guru meliputi sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah teknik dan politeknik yang diserahkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Mengikut laporan yang ditandatangani pada 1 Jun 2005, kaji selidik itu adalah antara usaha KPPK memberi gambaran jelas kepada kementerian supaya sesuatu dapat dilakukan untuk meringankan bebanan guru.

Kajian yang dijalankan mengambil kira pelbagai aspek termasuk jumlah guru, waktu guru mengajar serta tanggungjawab dan tugas perkeranian yang mereka jalankan. Kementerian akan mencari alternatif lain untuk membantu mengurangkan beban tugas yang dijalankan supaya guru boleh mengajar dalam suasana yang selesa. Kajian Kementerian juga mendapati ada guru yang berasa tertekan dengan beban tugas yang diberi terlalu banyak sehingga mengganggu kelancaran proses pembelajaran di bilik darjah. Artikel Akhbar Berita Harian berkenaan dengan 'Kementerian Kaji Beban Kerja Guru' seperti dalam **LAMPIRAN D**.

Menurut Setiausaha Agung KPPK, Lok Yim Pheng, Kementerian Pelajaran perlu menambah guru, mengurangkan jumlah pelajar dalam bilik darjah dan sekolah serta mengambil lebih ramai kakitangan perkeranian. Ini memastikan guru tidak terlalu dibebani tugas bukan teras seperti perkeranian, sekaligus membolehkan mereka memberi lebih tumpuan menyampaikan ilmu dan peningkatan kualiti kerja

BIBLIOGRAFI

Abd. Hamid Ahmad (1998). "Pendidikan Berkualiti Bertaraf Dunia." Hasil Karya Pengajian Perdagangan, Institut Perguruan Darul Aman (IPDA). Diakses pada 26 Ogos 2006 daripada laman web :
<http://members.tripod.com/~payung/mid.htm>.

Abdul Malek Abd. Rahman (2000). "Manusia Dan Stress." Buletin Akademik. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 (10-11).

Abdul Rahim Abd. Rashid, *et. al.* (1992). "Panduan Latihan Mengajar." Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahim Abd. Rashid (2000). "Wawasan & Agenda Pendidikan." Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Rahim Abd. Rashid (2002). "Pengajaran Sains Sosial : Teori Dan Amalan." Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Abdul Rahim Abd. Rashid (2005). "Profesionalisme Keguruan, Prospek Dan Cabaran." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahim M. Ali (2001). "Ilmu Pendidikan Untuk KPLI. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Wahid Nuruddin (1996). "Stress Pekerjaan Di Kalangan Guru." Tesis Tidak Diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.

- Abdullah Sani Yahaya (2005). "Mengurus Disiplin Pelajar." Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Nordin (1991). "Kurikulum Perspektif dan Pelaksanaan." Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka.
- Ary D. (1997). "Introduction To Research In Education." New York : Iton, Renehart and Winston.
- Azhar Harun dan Nawi Abdullah (2004). "Metodologi Penyelidikan Ekonomi Dan Sains Sosial." Singapura : Thomson Learning (Thomson Asia Pte. Ltd.)
- Azarudin Ab. Latif dan Hassan Hushin (2004). "Beban Tugas Guru Bengkel Dalam Pengurusan Bengkel Di Lima Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan : Satu Tinjauan." Pusat Sumber Universiti Teknologi Malaysia : Koleksi Pusat Sumber Fakulti Pendidikan UTM.
- Best J.W. and Kahn J.V. (1998). "Research In Education." Massachusets : Allyn & Bacon.
- Blase J.J. (1986). "A Qualitative Analysis Of Sources For Teacher Stress : Consequence For Performance." *American Education Research Journal*. **1** . 13-40.
- Campion M.A.(1990). "Meaning And Measurement Of Turnover Camparison Of Alternative Measures And Recommendations For Research." *Journal of Applied Pscyhology*. **2** . 76-90.
- Edworthy, A. (1987). "Occupational Stress In Professional Groups." Ph. D Tesis Yorkshire : The British Library Document Center.
- Ee Ah Meng (2003). "Ilmu Pendidikan : Pengetahuan Dan Ketrampilan Ikhtisas (Semester II)." Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Ee Ah Meng (1993). "Pedagogi Satu Pengenalan." Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Esah Sulaiman (2004). "Pengenalan Pedagogi." Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Farber, B.A. (1991). "Crisis In Education : Stress And Burnout In The American Teacher." San Francisco : Jossey-Bass.
- Fletcher B. and Payne R.L. (1982). "Levels Of Reported Stressors And Strains Amongst Schoolteachers : Some UK." *Data Education Review*. 34 . 276-277.
- Hairuddin Mohd Ali, *et al.* (1999). "Panduan Ringkas Penubuhan Dan Pelaksanaan Sistem Kualiti MS ISO 9000 Dalam Organisasi Pendidikan." Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hussein Hj. Ahmad (1993). "Pendidikan Dan Masyarakat Antara Reformasi Dan Wawasan." Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ahmad Bajunid (1995). "Peningkatan Pelbagai Jenis Literasi Khususnya Literasi Sainifik Dan Teknikal : Ke Arah Pemantapan Martabat Kepimpinan Yang Unggul. *Jurnal Pengurusan Pendidikan*. 4 (2) 1 – 19.
- Jafri Mohamed Saad (1996). "Tinjauan Ke Atas Sistem Pentadbiran Bahagian Pendidikan Guru Dan Peranan Serta Prosedur Kerja SubSektor Kurikulum Pra Perkhidmatan." Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kalsom Ahmad (1997). "Tekanan Kerja Di Kalangan Guru Ekonomi Rumahtangga." Tesis (M.Ed), Universiti Putra Malaysia.

- Kamaruddin Haji Husin (1994), "Dinamika Sekolah dan Bilik Darjah." Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (2004). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerlinger, F.W. (1973). "Foundation Of Behavioral Research," 2nd Ed. Holt, Rinehart and Winston.
- Khairul Faizi Ahmad Kamil. (2006). "Kementerian Pelajaran Punca Beban Kerja Guru Bertambah." Berita Harian 11/01/06.
- Kyte, K.F. (1994). "Perceptions Of Occupational Stress Among Public School Principals In Tennessee." ProQuest-Dissertation Abstracts. East Tennessee State University.
- Lee, Wu-Zen (1994). "Perceived Levels Of Stress Among Teachers And Principles Of Selected Elementary And Junior High Schools In Taiwan (China)." ProQuest-Dissertation Abstracts. University of Southern Mississippi.
- Matteson, M.T. and Ivancevich, J.M. (1989). "Controlling Work Stress : Effective Human Resource And Management Strategies." San Francisco : Jossey-Bass Publishers.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Johor : Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd Fadzli Abu Bakar, Janet Ho Siew Ching, Irdiana Syeriza Hussein dan Nazrah Jamaludin (2005). "Tekanan Guru Dalam Pendidikan Dan Resolusi Penyelesaiannya." Seminar Pendidikan 2005, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Feroz Abu Bakar (2005). "Bebanan kerja guru empat negeri teruk." Berita Harian 7/7/2005.

- Mohd. Majid Konting (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Salleh Lebar (1998). "Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah Dan Pendidikan." Selangor : Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Mohd. Saudi Abd. Rahman. (1998). "Bebanan Tugas Di Kalangan Guru Sekolah Menengah." Tesis Universiti Utara Malaysia.
- Mohd. Yunus Mohd. Noor, *et. al.* (1982). "The Philosophy Of Teacher Education." Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nor Azizah Salleh Yaakub (1988). "Job Satisfaction And Professional Needs Of College Trained Teachers In Selangor, Malaysia And Its Implication For Continuing Education." Dissertation Ph. D., Michigan State University.
- Norkiah A. Kadir (1981). "Hubungan Di Antara Ketegangan Dan Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru-Guru : Satu Kajian Kes." Latihan Ilmiah Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar Mohd. Hashim (1991). "Pengisian Misi Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Omar Mohd. Hashim (1993). "Pendidikan, Persoalan, Penyelesaian Dan Harapan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Omaridin Ashaari (2001). "Peranan, Tugas Dan Tanggungjawab Guru Di Sekolah." Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Peach, Robert W. (1997). "The ISO 9000 Handbook." 3rd Edition. Chicago : Irwin Professional Publishing.

- Richard I. Arends (2004). "Learning To Teach." Sixth Edition. New York : Mc Graw Hill.
- Ridzuan Jaafar (1998). "Ilmu pendidikan KPLI/PPLD/DPM." **Jilid 1**. Kuala Lumpur : Penerbitan Al-Azim Sdn. Bhd.
- Rohana Yusof (2003). "Penyelidikan Sains Sosial." PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rohani Abdullah (1984). "Tekanan Guru : Satu Kajian Ke Atas Guru-Guru Yang Mengajar KBSM." Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnan Hussein, *et al.* (1998). "Buku Panduan Gerak Kerja Kurikulum." KL : Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur.
- Ross, R.R. and Altmaier, E.M. (1994). "Intervention In Occupational Stress : A Handbook Of Counselling For Stress." London : SAGE Publication Ltd.
- Rushami Zien Yusuf, *et al.* (1999). "Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9000 Dalam Pendidikan, Konsep Dan Aplikasi Di Sekolah." Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Sarina Md. Yusof (1997). "Tekanan Kerja Di Kalangan Pentadbir Sekolah Menengah Di Daerah Hulu Langat, Selangor." Tesis (M. Ed), Universiti Putra Malaysia.
- Shahbudin Ngah (1986). "Satu Kajian Mengenai Tugas Guru Di Dua Buah Sekolah Menengah Di Daerah Muar, Johor." Tesis (M. Ed), Universiti Malaya.
- Shahril @ Charil Marzuki, *et. al.* (1994). "Pendidikan Di Malaysia." Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Siti Aisyah Abd. Rahman (2004). "Pembinaan Keupayaan Melayu Dalam Arus Globalisasi." Keluaran Julai 2003.
- Stouffer, R.E. (1992). "Perceived Stress Of Secondary Public School Administrators In Iowa (Secondary School)." ProQuest-Dissertation Abstracts. The University of Iowa.
- Sulaiman Ngah Razali (1997). "Pedagogi Teori Dan Praktik." Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sumilah Marto (1997). "Faktor-Faktor Kekangan Penggunaan Media Elektronik Di Kalangan Guru Pelatih." Unit Teknologi Maklumat MPTI.
- Tuan Rakiza (2003). "Kemampuan Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia Dalam Melaksanakan Program Pendidikan Khas Bagi Pelajar Pekak." Batu Pahat : KUiTTHO.
- Utusan Malaysia, Keluaran Khas Rancangan Malaysia Ke-9, Sabtu, 1 April 2006.
- Wiersma W. (1997). "Research Method In Education, 6th Edition." New York : Prentice Hall.
- Yahya Emat (2005). "Pendidikan Teknik Dan Vokasional Di Malaysia." Selangor : IBS Buku Sdn. Bhd.
- Zaid Abd. Aziz (1998). "Stress Pekerjaan Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Daerah Kuala Kangsar, Perak." Tesis (M.Ed.), Universiti Putra Malaysia.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (2000). "Pengajaran-Pembelajaran Perdagangan, Keusahawanan Dan Ekonomi Asas." Selangor : Universiti Putra Malaysia.

Zubaidah Aman (1999). "Burnout Di Kalangan Guru : Perkaitannya Dengan Faktor Latar Belakang, Tekanan Kerja, Kekaburan Peranan Dan Sokongan Sosial." Tesis (Ph. D), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zuraidah Yaacob, Siti Rahmah Lamin dan Siti Rahmah Mohamed (2005), "Isu Tekanan Dan Beban Di Kalangan Guru Dan Kepuasan Bekerja." Seminar Pendidikan 2005, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Zul Azlan Hamidin (2000). "Strategi Pengajaran : Pendekatan Sains, Teknologi, Masyarakat." Selangor : Prentice Hall Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH